

# MyCompetition NEWS

Menggalakkan Persaingan, Melindungi Anda



## Ke Arah Persaingan Yang Adil

Mengakhiri tipuan bida

# Pesanan Pengerusi



Persaingan penting kerana ia memberi insentif-insentif yang berterusan kepada perniagaan-perniagaan untuk berinovasi, dan menjadikan proses pengeluaran dan pengedaran mereka lebih cekap dan responsif kepada perubahan yang pantas dalam dunia hari ini. Dengan kemunculan pelbagai perusahaan baru di pasaran kini, proses persaingan yang sihat perlu digalakkan dalam persekitaran perniagaan yang akan menyumbang kepada peningkatan ekonomi dan kebijakan pengguna.

Proses persaingan adalah penting kerana ianya mendorong kecekapan dan produktiviti, menggalakkan inovasi, memberi para pengguna pelbagai pilihan barang dan perkhidmatan yang lebih bermutu tinggi pada harga yang berpatutan, serta mewujudkan rangka kerja

pengawalseliaan yang teguh yang merangkumi undang-undang persaingan bagi menarik keyakinan para pelabur.

Memandangkan undang-undang persaingan masih agak baru di Malaysia, MyCC akan bekerja keras untuk membangunkan rejim penguatkuasaan persaingan yang cekap dengan pengetahuan dan kemahiran yang dikongsi oleh pihak berkuasa persaingan dari seluruh dunia melalui usaha-usaha jalinan kerjasama antarabangsa.

Pada masa hadapan, MyCC akan menekankan usaha untuk menangani kegiatan tipuan bida yang sering berlaku di dalam perolehan negara. MyCC akan memberi tumpuan dalam mendidik agensi-agensi kerajaan serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berkait rapat dengan amalan ini kerana tipuan bida selalunya membawa kepada harga tender yang melampau, seterusnya memberi kesan buruk kepada perolehan awam dan ekonomi negara secara keseluruhannya.

MyCC adalah serius dalam mencegah tingkah laku sebegini kerana badan-badan awam dan swasta bergantung pada proses-proses bida yang berdaya saing untuk mendapatkan nilai yang terbaik. Adalah amat penting untuk orang ramai mengetahui bahawa tipuan bida ialah satu pelanggaran yang serius di bawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010) dan ia menghalang kerajaan dalam mewujudkan perolehan awam yang lebih berkesan dan berdaya saing.

Oleh kerana tipuan bida sukar untuk dikenal pasti, ia memerlukan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan yang lain. Sehubungan itu, MyCC telah mengambil inisiatif untuk menjalin usaha sama dengan beberapa agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), dan Jabatan Audit Negara (JAN) untuk memastikan persaingan yang adil.

Dalam memperjuangkan undang-undang persaingan di Malaysia, MyCC terus menjadi peneraju bagi Jawatankuasa Khas Persaingan yang terdiri daripada pelbagai pengawal selia sektor seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) yang membincangkan isu-isu berkenaan undang-undang dan dasar persaingan, selain memastikan ketekalan dalam pelaksanaan AP 2010 dan undang-undang yang berkaitan.

Saya yakin bahawa Suruhanjaya akan terus berkembang dari segi kebolehan dan kepakarannya, seterusnya, membawa impak yang ketara dalam usaha mempromosikan pasaran yang lebih kondusif dan berdaya saing, pada peringkat tempatan serta antarabangsa.

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY JUSOH  
Pengerusi MyCC

“MyCC adalah serius dalam mencegah kegiatan tipuan bida kerana badan-badan awam dan swasta bergantung pada proses-proses bida yang berdaya saing untuk mendapatkan nilai yang terbaik.”

# Pesanan

## Ketua Pegawai Eksekutif

Menjelang penghujung tahun 2017, MyCC telah menerima barisan Anggota-anggota Suruhanjaya yang baru dengan latar belakang ekonomi dan perundangan. Cabang undang-undang ini agak unik kerana ia memerlukan kefahaman bagi kedua-dua prinsip dan konsep ekonomi serta perundangan. Saya yakin bahawa kemahiran dan pengalaman mereka akan sangat bermanfaat kepada Suruhanjaya.

Untuk memupuk budaya persaingan yang kondusif, MyCC sangat komited dan akan menguatkan peranannya melalui penguatkuasaan dan advokasi untuk memacu inovasi, menggalakkan persaingan dan melindungi proses tersebut, justeru, melindungi kepentingan perniagaan, para pengguna dan ekonomi negara.

Walaupun tahap kesedaran telah menunjukkan peningkatan yang ketara, MyCC, sempena ulang tahunnya yang ke-7, akan menjalankan pelbagai aktiviti advokasi sebagai usaha berterusan untuk menyebarkan kesedaran mengenai tugas MyCC dan kepentingan Akta Persaingan 2010 (AP 2010).

Memandangkan Suruhanjaya hampir berusia 7 tahun, usaha utama dan berterusan kami ialah untuk memperkenalkan undang-undang persaingan di kalangan generasi muda. MyCC telah berjaya menganjurkan program pertandingan Mahkamah "Moot" mengenai Undang-undang Persaingan yang kedua bagi tahun 2017, serta aktiviti-aktiviti lain bersama pelbagai universiti di seluruh Malaysia.

Di samping itu, kami berbangga dengan perkembangan penting dalam 2017 dengan pelancaran Sistem e-Pembelajaran Program Pematuhan Persaingan untuk PKS. Kursus pendahuluan melalui portal dalam talian ini direka untuk memperkenalkan AP 2010 dan membantu para pemilik dan pekerja PKS mematuhi keperluan di dalam Akta. MyCC juga telah memperkenalkan sistem e-pembelajaran ini kepada PKS semasa seminar-seminar dan program-program advokasinya, dan akan giat mempromosikannya pada tahun 2018.

MyCC telah menerbitkan dua laporan lengkap mengenai kajian-kajian semula pasaran terhadap sektor farmaseutikal dan bahan-bahan binaan dalam sektor binaan Malaysia di bawah AP 2010, yang boleh didapati di laman webnya. Tujuan laporan-laporan ini adalah untuk membantu MyCC dalam penguatkuasaan AP 2010, serta menggalakkan dan mengukuhkan proses persaingan dalam kedua-dua sektor tersebut.

Adalah diharapkan bahawa program-program advokasi dan kajian-kajian pasaran ini akhirnya akan menyokong usaha-usaha penguatkuasaan MyCC dalam menangani kesalahan-kesalahan serius seperti kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan oleh perusahaan-perusahaan. Sebagai satu-satunya agensi yang menguatkuasakan undang-undang persaingan di Malaysia, yang merupakan salah satu komponen dalam mencapai status negara maju, Kerajaan sedang berusaha untuk menguatkan dan mengukuhkan MyCC untuk membenarkannya berfungsi secara optimal, seterusnya menangani kegiatan-kegiatan antipersaingan yang memudaradatkan para pengguna, perniagaan dan ekonomi.



DATO' ABU SAMAH SHABUDIN

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC

## Anggota Suruhanjaya 2016 - 2020

### Datuk Che Mohamad Zulkifyi Bin Jusoh

Pengerusi, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)  
(1 Apr 2017 - 31 Mac 2020)

### Dato' Nik Azman bin Nik Abdul Majid

Ketua Pengarah,  
Unit Perancang Ekonomi  
(1 Jul 2017 - 30 Jun 2020)

### Dato' Basaruddin bin Sadali

Timbalan Ketua Setiausaha  
(Perdagangan Dalam Negeri)  
Kementerian Perdagangan  
Dalam Negeri, Koperasi dan  
Kepenggunaan  
(8 Jan 2016 - 7 Jan 2019)

### Datin Tay Lee Ly

Penashif Undang-undang  
(1 Jul 2017 - 30 Jun 2020)

### Prof. Dr. Saadiah binti Mohamad

Pensyarah, Universiti  
Teknologi MARA (UiTM)  
(1 Okt 2017 - 30 Sep 2020)

### Tuan Mohd Hassan bin Ahmad

Timbalan Setiausaha  
Bahagian PTD Gred Utama C  
(Penempatan Khas), Bahagian  
Fiskal dan Ekonomi  
(1 Okt 2017 - 30 Sep 2020)

### Datin Seri Hjh. Ruzaina bt. Wan Haniff

Peguambela & Peguamcara  
(1 Apr 2017 - 31 Mac 2020)

### Dato' Jagjit Singh a/Bant Singh

Peguambela & Peguamcara  
(1 Apr 2017 - 31 Mac 2020)

### Dr Nasaruddin bin Abdul Rahman

Pensyarah, Universiti Islam  
Antarabangsa Malaysia  
(1 Okt 2017 - 30 Sep 2020)

## Sidang Redaksi

### Ketua Editor

Dato' Abu Samah Shabudin

### Kumpulan Editorial

Noorliza Abdul Latiff

Ketua, Bahagian Hal Ehwal Korporat

Nazarul Emran Norin

Penolong Pengarah, Bahagian

Hal Ehwal Korporat

Nur Diyana Fathiah Mohd Rahimi

Pembantu Penyelidik, Bahagian

Hal Ehwal Korporat

### Kumpulan Berita

Bahagian Hal Ehwal Korporat,

Bahagian Perancangan Strategik &  
Hubungan Antarabangsa, Bahagian

Penguatkuasaan, Bahagian

Undang-undang, Bahagian Perniagaan  
& Ekonomi

Untuk serahan dan pertanyaan editorial,  
sila emel [ccu@mycc.gov.my](mailto:ccu@mycc.gov.my)

### Penerbit dan Pengedar

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Aras 15, Menara SSM@Sentral,

No.7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral  
50623 Kuala Lumpur

Untuk maklumat lanjut berkaitan MyCC,  
sila kunjungi:

Laman web rasmi MyCC  
[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)



@themyc

### Konsep dan Diterbitkan oleh

C2 Communications & Design

No.27, Jalan 86/26,Taman Sri Rampai,

Setapak 53300 Kuala Lumpur

Tel/Faks: +603-4141 7023

### Penafian:

Penerbitan ini tidak boleh ditiru, diterbitkan semula atau diterjemah secara keseluruhan atau sebahagiannya tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

Sebarang pertanyaan, sila emel

[enquiries@mycc.gov.my](mailto:enquiries@mycc.gov.my),

hubungi +603-2273 2277


atau faks +603-2272 2293/1692

• 02/17 Julai - Dis 2017

03

# Tipuan Bida Satu Konspirasi

oleh **Adlan Abdul Razak**, Pensyarah Kanan,  
Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM)



Syarikat-syarikat dan agensi-agensi kerajaan biasanya akan menjalankan aktiviti tender untuk mencapai nilai yang terbaik bagi sesuatu barang atau perkhidmatan tertentu. Para pembida kemudiannya akan bersaing antara satu sama lain untuk menawarkan harga paling kompetitif. Biasanya pembida terbaik akan ditawarkan dengan kontrak tersebut. Syarikat-syarikat dan agensi-agensi kerajaan terbabit kemudiannya akan dapat menjalankan perolehan tersebut dengan harga yang sangat kompetitif, seterusnya menjimatkan wang. Mereka akan mendapat barang dan perkhidmatan yang terbaik pada harga terendah. Proses pembidaan yang kompetitif membolehkan organisasi swasta atau awam mendapatkan nilai yang lebih baik untuk wang, seterusnya membolehkan sumber dilepaskan untuk digunakan pada barang atau perkhidmatan lain. Ini antara lain merupakan salah satu manfaat daripada persaingan.

Bagaimanapun, untuk menikmati manfaat itu, pembida mesti menetapkan harga masing-masing secara berasingan. Jika mereka berpakat, harga akan meningkat dan pengguna perlu membayar lebih daripada yang sepatutnya. Aktiviti ini juga dikenali sebagai tipuan bida. Ia biasanya berlaku apabila pembida, yang dijangka akan bersaing telah secara rahsia bersekongkol untuk menaikkan harga atau menurunkan kualiti barang atau perkhidmatan untuk pembeli yang ingin memperoleh produk atau perkhidmatan melalui proses pembidaan. Tipuan bida boleh memudaratkan jika ia memberi kesan kepada perolehan awam. Kerajaan perlu membayar lebih banyak untuk barang dan perkhidmatan yang diperlukannya dan penjimatkan yang dirancang hasil dari aktiviti tender ini mungkin tidak dapat dicapai.

Para pembida akan bersetuju antara satu sama lain untuk menentukan pemenang dan harga sesuatu tender yang seterusnya akan menghalang usaha syarikat-syarikat dan agensi kerajaan untuk mendapatkan harga yang terendah bagi barang dan perkhidmatan yang mereka tawarkan. Skim tipuan bida kebiasaannya merangkumi mekanisma-mekanisma untuk membahagi dan mengagihkan hasil keuntungan tambahan yang diperolehi daripada harga akhir kontrak yang lebih tinggi di kalangan ahli pembida. Antara pelbagai bentuk tipuan bida ialah:



## Bidaan yang menindas

Ini berlaku apabila beberapa pihak berpakat untuk tidak membida dan seterusnya membenarkan satu pihak yang telah ditentukan terlebih dahulu untuk memenangi sesuatu tender.

## Bidaan secara bergilir

Ini berlaku apabila pembida mengambil giliran bagi menyerahkan sesuatu harga tender yang paling kompetitif, atau harga yang paling rendah (dan akhirnya memenangi kontrak tersebut). Mereka akan memenangi bida secara bergilir.

## Penarikan balik bida

Ini berlaku apabila pembida-pembida yang berpakat menarik balik bida mereka secara sengaja pada penghujung tempoh bida, meninggalkan pembida terpilih untuk memenangi bida tersebut.

## Harga terselindung

Ini berlaku apabila pembida-pembida berpakat bagi menyerahkan harga bida yang sengaja lebih tinggi daripada harga yang diserahkan oleh pembida yang telah ditetapkan untuk mendapatkan tender tersebut. Pembidaan secara kolektif ini juga dikenali sebagai 'pembidaan balas budi' atau 'pembidaan pelengkap'.

Di Singapura, Suruhanjaya Persaingan Singapura (CCS) mengeluarkan keputusan pertamanya berkenaan pelanggaran di bawah Akta Persaingan mereka terhadap enam (6) syarikat kawalan makhluk perosak kerana menjalankan tipuan bida dalam penyediaan perkhidmatan mengawal dan merawat kerosakan anai-anai. Syarikat-syarikat kawalan makhluk perosak yang telah menyediakan perkhidmatan kawalan makhluk perosak kepada pelanggan meminta agar syarikat-syarikat lain menyerahkan bida pada harga-harga tertentu bagi memastikan mereka tidak menang. Syarikat-syarikat lain tersebut telah memilih untuk bersetuju dengan permintaan tersebut atau menyerahkan bida yang lebih tinggi. Penalti sebanyak S\$260,000 dikenakan terhadap syarikat-syarikat tersebut.

Yang lebih terbaru di Jepun, polis telah menyerbu beberapa firma yang terlibat dalam pembinaan trek kereta api berkelajuan tinggi yang menghubungkan bandar-bandar utama di Jepun. Mereka mendapati bahawa empat kontraktor telah memenangi 15 daripada 22 kontrak yang ditawarkan, dengan masing-masing memenangi jumlah bilangan projek yang lebih kurang sama, yang menunjukkan kebarangkalian yang tinggi berlakunya tipuan bida.

Tipuan bida adalah dilarang di Malaysia oleh Seksyen 4(2)(d) Akta Persaingan 2010. Ia dianggap sebagai kartel tegar, oleh itu, ia tidak memerlukan analisis pasaran untuk menentukan sama ada perlakuan tipuan bida itu mempunyai objek yang secara ketara menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan di mana-mana pasaran bagi barang atau perkhidmatan. Penemuan aktiviti tipuan bida ini sahaja sudah mencukupi untuk dikenakan tindakan di bawah peruntukan ini.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah berkongsi beberapa tanda pakatan sulit atau tipuan bida di laman web mereka.



Alat ini adalah berguna bagi pegawai perolehan untuk mengesan kemungkinan berlakunya tipuan bida seterusnya melapkannya kepada MyCC.

Sumber diperoleh daripada bahan-bahan OECD dan MyCC

Antara tanda-tandanya termasuk:

Harga bida yang lebih rendah daripada yang telah dikemukakan dalam tender sebelum ini

Perbezaan harga yang ketara antara pembida yang menang dan pembida yang lain

Harga yang sama di kalangan pembida lain yang tidak dapat dijelaskan

Menerima bilangan tender yang rendah walaupun wujud sejumlah besar pembida berpotensi

Kesilapan sama didapati pada dokumen pembida lain

Hanya dokumen pembida yang menang lengkap dan terperinci


Oleh itu, jika pegawai perolehan mengesyaki terdapat aktiviti tipuan bida yang berlaku dalam proses perolehan mereka, mereka harus melapkannya kepada MyCC. Sekiranya terdapat dasar yang munasabah, MyCC akan memulakan siasatan terhadap pembida yang berkenaan.

Setelah siasatan bermula, MyCC mempunyai kuasa yang luas untuk menuntut penyerahan pelbagai dokumen dari pembida yang berkenaan dan mereka perlu memberi kerjasama sepenuhnya kepada MyCC. Kegagalan berbuat demikian merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Persaingan. Perusahaan terbabit boleh didenda sehingga RM10 juta dan/atau individu yang terlibat akan didenda sehingga RM2 juta dan penjara sehingga 5 tahun.

Jika perusahaan terbabit pada masa itu didapati terlibat dengan tipuan bida, mereka akan dikenakan penalti sehingga 10% daripada perolehannya di seluruh dunia sepanjang tempoh ia terlibat dalam aktiviti tipuan bida. Walau bagaimanapun, penalti yang tinggi ini boleh dielakkan jika perusahaan tersebut menjadi pihak pertama yang melaporkan kegiatan ini kepada MyCC dan bekerjasama dengan mereka di bawah rejim kelonggaran. Rejim kelonggaran ini disediakan di bawah Akta dan ia membentarkan pembida yang terlibat dalam tipuan bida agar tidak terikat dengan liabiliti. Mereka boleh melakukan ini dengan datang ke MyCC dan melaporkan aktiviti penipuan bida sedemikian. Jika mereka yang pertama melaporkan dan mengakhiri aktiviti tipuan bida, mereka boleh melepaskan liabiliti 100%. Sedangkan yang lain, yang berada dalam skim, akan bertanggungjawab terhadap pelanggaran tersebut. Melalui pemerhatian, dalam sesetengah bidang kuasa, syarikat yang mulakan skim penipuan bida, adalah yang pertama melaporkan kepada pihak berkuasa persaingan masing-masing. Sementara syarikat berkenaan terlepas dari liabiliti, syarikat lain yang bersetuju dengan skim tersebut dikenakan penalti yang berat.

Tipuan bida adalah anti-kompetitif dan ia boleh mengakibatkan pembaziran sumber dan perolehan awam serta wang pembayar cukai. Tipuan bida dilarang di bawah Akta Persaingan 2010 dan akan dikenakan denda yang berat. Kegagalan untuk bekerjasama dengan penyasatan tipuan bida boleh menyebabkan terma penjara untuk individu yang terlibat. Terdapat juga kemungkinan jika syarikat yang mulakan skim tipuan bida itu melapkannya kepada MyCC, mereka akan terlepas dengan liabiliti sifar manakala syarikat yang lain terpaksa membayar jumlah penalti yang banyak. Oleh itu, adalah terbaik untuk mengelakkan sebarang skim tipuan bida dan melapkannya kepada MyCC.

# Persekutuan Perniagaan Tidak Adil



Pada 28hb Disember 2017, Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) telah menolak rayuan My E.G. Services Berhad dan My E.G Commerce Sdn. Bhd. terhadap keputusan MyCC kerana menyalahgunakan kedudukan dominan mereka di bawah seksyen 10(2)(d)(iii) Akta Persaingan 2010. Di samping diarahkan membayar penalti kewangan sebanyak RM6,412,200.00, TRP juga mengarahkan MyEG supaya menghentikan dengan serta-merta pengenaan syarat-syarat berlainan ke atas transaksi yang sama, dan menyediakan satu laluan yang efisien untuk semua pesaingnya dan pesaing yang mungkin muncul dalam pasaran penjualan insurans mandatori, serta memastikan semua pihak dapat bersaing di tahap yang sama dalam tempoh 60 hari dari tarikh keputusan TRP.

## Membentuk Sempadan Pada Pasir

MyCC telah menerima Aku Janji daripada sekumpulan pengusaha pasir di Kelantan berkaitan dengan dakwaan berkenaan perjanjian penetapan harga pasir bagi jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah dan Machang di negeri Kelantan. Sebelum dari itu, MyCC telah menjalankan siasatan terhadap 13 perusahaan terbabit kerana mengesyaki pelanggaran Seksyen 4(2)(a) di bawah Akta Persaingan 2010. Perusahaan-perusahaan pasir ini telah bersetuju untuk menetapkan harga pasir yang baru berdasarkan senarai harga pasir yang dikeluarkan pihak-pihak berkenaan bagi jajahan masing-masing. Untuk mengangani isu ini, para pengusaha telah memberikan Aku Janji untuk memmansuhkan senarai harga pasir yang telah dikeluarkan pada 10 Januari 2017, memberhentikan apa-apa perlakuan antipersaingan lain berkaitan dengan pengeluaran senarai harga tersebut serta mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai Aku Janji mereka dalam akhbar-akhbar utama.

## Tambahan 2 Tahun **Pengecualian Blok** Diluluskan Bagi Perjanjian Pelayaran Tetap

MyCC telah meluluskan pengecualian blok bagi perjanjian pelayaran tetap berkenaan Perjanjian Perkongsian Vesel (VSA) dan Perjanjian Perbincangan Sukarela (VDA) yang dibuat di dalam Malaysia atau yang mempunyai kesan terhadap perkhidmatan pelayaran tetap di Malaysia, dengan syarat bahawa tiada unsur-unsur penetapan harga, pengesyoran harga, atau pengenaan tarif oleh mana-mana orang ke atas pengguna pengangkutan.



Perintah Pengecualian Blok (BEO) ini bermula dari 7hb Julai 2017 dan akan berkuatkuasa selama dua tahun atau sehingga dibatalkan oleh MyCC. Keputusan ini diambil setelah meneliti maklum balas orang ramai, pihak-pihak berkepentingan industri dan kementerian-kementerian kerajaan yang berkenaan dalam tempoh 30 hari bermula 11hb Mei 2017.

Pada tahun 2014, MyCC telah memberi pengecualian blok untuk perjanjian pelayaran tetap yang telah luput pada 6hb Julai 2017. Permohonan pembaharuan pengecualian blok untuk VSA dan VDA berkenaan perkhidmatan pelayaran tetap telah dikemukakan oleh Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (MASA) dan Persatuan Pengusaha-Pengusaha Perkapalan Malaysia (SAM) pada 6hb Mac 2017.

MyCC dalam melaksanakan kuasa di bawah Sub-seksyen 8(1) AP 2010 boleh memberi pengecualian blok, jika semua syarat-syarat di bawah Seksyen 5 AP 2010 dipatuhi sepenuhnya.

BEO ini tidak mengecualikan atau memberikan imuniti terhadap penyalahgunaan kedudukan dominan di bawah Seksyen 10 AP 2010. Jadi, pihak-pihak persetujuan pelayaran masih boleh dipertanggungjawabkan ke atas pelanggaran jika mereka didapati menyalahgunakan kedudukan dominan dalam pasaran pelayaran tetap.

BEO ini tidak boleh diguna pakai untuk pengangkutan barangan pedalaman dan pergudangan. BEO ini juga membenarkan pengendali-pengendali pelayaran tetap untuk menawarkan, atas dasar kontrak peribadi yang sulit, pengaturan perkhidmatan mereka sendiri, atas syarat tertentu.

NEGARAKU
SURAHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

**Public Consultation**

**Block Exemption under Section 8(1) of the Competition**

"Proposed Block Exemption for Vessel Sharing Agreements and Voluntary Discussion Agreements in Respect of Liner Shipping Services"

Thursday, 18 May 2017  
InterContinental (Mid Valley) Hotel, Kuala Lumpur



# Dua Kajian Pasaran Dijalankan Oleh MyCC Pada Tahun 2017

Pada tahun 2017, MyCC telah menjalankan kajian semula pasaran ke atas dua sektor, iaitu sektor farmaseutikal dan bahan-bahan binaan dalam industri pembinaan, di bawah AP 2010. Matlamat utamanya adalah untuk mengenal pasti struktur pasaran, rantaian nilai, dan tahap persaingan dalam kedua-dua sektor ini di Malaysia. Kajian-kajian pasaran ini dijangka untuk memberi panduan bagi tahap persaingan dalam kedua-dua sektor ini, sama ada terdapat mana-mana polisi atau undang-undang yang menyekat persaingan, dan bagaimana MyCC dapat membantu menggalakkan persaingan dalam sektor-sektor ini. Kedua-dua sektor itu telah dipilih berdasarkan analisis awal tentang keadaan pasaran di Malaysia dan negara-negara lain, terutamanya sektor-sektor yang mempunyai kebarangkalian yang tinggi berlakunya amalan antipersaingan seperti kartel atau pakatan sulit, serta penyalahgunaan kuasa dominan yang memberi kesan kepada pengeluaran dan penyediaan barang-barang atau perkhidmatan yang penting, dan kebimbangan berkenaan kebaikan para pengguna dari segi kos sara hidup serta manfaat sosial. Laporan kajian-kajian ini telah dilengkapkan selepas membuat pertimbangan terhadap pendapat dan maklum balas yang diterima daripada pihak-pihak berkepentingan dan orang ramai. Beberapa sesi rundingan awam telah diadakan dari 17hb November hingga 7hb Disember 2017 di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru.



MyCC telah menjalankan kajian pasaran sektor farmaseutikal kerana permintaan untuk ubat-ubatan keperluan bersifat tidak anjal; para pengguna masih akan membeli ubat-ubat ini walaupun terdapatnya kenaikan harga melampau. Tambahan pula, terdapat maklumat yang tidak seimbang di antara pesakit dengan doktor, kerana doktor yang membuat keputusan, manakala pesakit yang membayar. Di samping itu, amalan-amalan antipersaingan juga sememangnya kerap berlaku dalam sektor farmaseutikal di kebanyakan negara. Keputusan kajian ini mendapati bahawa sektor pembuatan ubat-ubatan generik dikuasai oleh pengeluar tempatan dan sektor ini agak berdaya saing kerana ubat-ubatan generik tidak ada hak milik eksklusif dan berdepan dengan saingan daripada pengimpor ubat-ubatan generik. Manakala pengimpor ubat-ubatan asli dikuasai syarikat-syarikat multinasional daripada negara-negara berpendapatan tinggi. Mereka memegang kuasa pasaran yang tinggi kerana ubat-ubatan yang dipatenkan mempunyai sifat eksklusif dan kawalan harga.

MyCC menjalankan kajian pasaran mengenai bahan-bahan binaan dalam industri pembinaan kerana kebimbangan yang disuarakan oleh agensi-agensi kerajaan berkaitan peningkatan kos hidup dan kekurangan rumah mampu milik di Malaysia. Di samping itu, amalan-amalan antipersaingan juga sememangnya kerap berlaku dalam industri pembinaan di kebanyakan negara. Justeru, kajian pasaran ini telah memberi tumpuan terhadap empat bahan binaan iaitu keluli, simen, konkrit sedia-campur dan pasir, yang menyumbang hampir 60% daripada anggaran nilai 8 jenis bahan binaan utama yang digunakan di dalam projek-projek binaan pada tahun 2016. Dapatkan kajian ini menunjukkan keempat-empat bahan binaan tersebut bukan merupakan faktor utama yang mempengaruhi peningkatan harga rumah.

"Berdasarkan kedua-dua laporan kajian pasaran ini, MyCC mendapati bahawa tiada bukti kukuh yang menunjukkan tingkah laku antipersaingan di antara pemain-pemain industri di dalam sektor farmaseutikal dan bahan binaan dalam industri pembinaan."

Laporan-laporan kajian pasaran ini boleh didapati di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)

## Bengkel UNDP-MyCC

United Nations Development Programme (UNDP) dan MyCC, bersama Sekretariat ASEAN, telah menganjurkan sebuah bengkel serantau ASEAN dari 28hb hingga 29hb September 2017 di Putrajaya untuk menumpukan perhatian terhadap minat kebanyakan negara berpendapatan rendah dan sederhana yang semakin meningkat terhadap penggunaan undang-undang persaingan untuk meningkatkan peluang memperoleh ubat-ubatan untuk melindungi kebajikan rakyat, sebagai alat penting untuk melengkapai bidang-bidang penguatkuasaan yang lain.



Objektif-objektif utama bengkel ini adalah:

- Menunjukkan bagaimana undang-undang dan polisi persaingan dapat menyumbang terhadap langkah-langkah polisi dan perundangan untuk meningkatkan peluang memperoleh teknologi-teknologi kesihatan, dari segi perlindungan pengguna dan mengatasi kenaikan harga yang melampau/tidak adil;
- Mengukuhkan keupayaan dan perpaduan dalam pilihan perundangan, polisi, dan penguatkuasaan untuk menggunakan undang-undang persaingan bagi meningkatkan akses kepada teknologi-teknologi kesihatan;
- Menerokai kerjasama dalam ASEAN untuk pengumpulan dan perkongsian harga ubat-ubatan, termasuklah perbincangan mengenai kaedah, untuk meningkatkan sumber siasatan bagi pihak-pihak penguatkuasaan persaingan



Bengkel 2 hari ini telah berjaya menarik kehadiran ramai wakil daripada pihak-pihak persaingan dan kesihatan dari negara-negara ASEAN, serta pakar-pakar dunia terkemuka tentang penggunaan undang-undang persaingan untuk meningkatkan akses kepada ubat-ubatan. Di samping itu, bengkel ini telah menyumbang kepada pencapaian beberapa komitmen dan strategi ASEAN. Ini termasuklah polisi persaingan dan perlindungan pengguna yang berkesan untuk 'A Competitive, Innovative and Dynamic ASEAN' di bawah ASEAN Economic Community Blueprint 2025; dan menggiatkan usaha untuk mencapai Universal Health Coverage dalam ASEAN Post-2015 Health Development Agenda dan ASEAN Declaration on Strengthening Social Protection, antara lainnya.



• 02/17 Julai - Dis 2017

09



### Menentang Tipuan Bida Dan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan Dalam Perolehan Awam

Pada 23hb November 2017, MyCC telah menganjurkan "Forum Menentang Tipuan Bida Dan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan Dalam Perolehan Awam Di Bawah Akta Persaingan 2010" yang dihadiri oleh lebih kurang 300 peserta dari pelbagai agensi-agensi Kerajaan, Syarikat-Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Investment Companies, GLIC*) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Companies, GLC*) dari seluruh negara. Forum ini bertujuan memberi panduan kepada pihak perusahaan dalam perolehan awam untuk menangani isu tipuan bida dan penyalahgunaan kedudukan dominan. Penceramah utama seminar ini termasuklah wakil-wakil dari MyCC, Komisi Pengawas Persaingan Usaha (KPPU), Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Mohammad Reza, salah seorang Pesuruhjaya dari KPPU berkongsi pengalaman beliau dalam usaha menangani isu tipuan bida melalui penguatkuasaan undang-undang persaingan.

### Latihan Media – Membantu Media Memahami Undang-undang Persaingan

Pada 20hb Disember, MyCC dengan kerjasama *Malaysian Press Institute* (MPI) telah mengadakan bengkel latihan media mengenai undang-undang persaingan di KL Hilton. Bengkel ini diadakan untuk memberi taklimat serta panduan kepada pihak media melalui perkongsian pengetahuan mengenai undang-undang persaingan untuk memastikan penyebaran maklumat yang tepat, terutamanya tentang bagaimana persaingan yang sihat boleh memandu ekonomi secara holistik. Bengkel ini juga menekankan kepentingan peranan media dan keperluan untuk ahli-ahli media membantu orang ramai mengenal pasti dan memahami amalan-amalan antipersaingan.

Dua penceramah utama dalam bengkel ini ialah Pengarah Penguatkuasaan MyCC, Iskandar Ismail, dan Setiausaha Akhbar Timbalan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Yahaya. Semasa bengkel ini, Iskandar Ismail telah berkongsi pengetahuan dan pengalamannya tentang undang-undang persaingan serta kes-kes yang berjaya disiasat oleh Suruhanjaya kerana melanggar AP 2010. Datuk Ibrahim Yahaya, seorang wartawan veteran, berkongsi kemahiran dan pengalamannya yang meluas yang diperoleh semasa berkhidmat dalam dunia media dan penyiaran.





## Pertandingan Mahkamah 'Moot' Mengenai Undang-undang Persaingan Kedua 2017

MyCC telah menganjurkan program pertandingan Mahkamah 'Moot' mengenai Undang-undang Persaingan Kedua 2017 selama tiga hari di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dari 28hb hingga 30hb Oktober 2017. Ia merupakan sebuah inisiatif daripada MyCC untuk meningkatkan pendedahan dan kesedaran terhadap Akta Persaingan 2010 (AP 2010) di kalangan para pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia.

Kolaborasi dengan UIAM ialah salah satu usaha untuk mengukuhkan hubungan di antara universiti dengan MyCC supaya dapat meningkatkan pengetahuan mengenai persaingan. MyCC percaya bahawa program seperti ini dapat menarik para pelajar dan IPT untuk memberi sumbangan dalam bidang pelajaran dan kajian, di samping berkongsi maklumat mengenai Undang-undang Persaingan. Selain itu, program ini juga dapat mewujudkan kumpulan pakar yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi mengenai Undang-undang Persaingan di Malaysia pada masa hadapan.



Pertandingan Mahkamah 'Moot' mengenai Undang-undang Persaingan Kedua 2017 ini menglibatkan tujuh pasukan daripada empat IPT, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), UIAM dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Pasukan-pasukan daripada UM telah memenangi tempat pertama dan kedua, dan menerima hadiah pertama berupa wang tunai sebanyak RM3,000 dan trofi, dan hadiah kedua berupa wang tunai sebanyak RM1,500 dan trofi.



### SELAMAT DATANG

ke 'Sistem e-Pembelajaran Program Pematuhan Persaingan untuk PKS' Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).



Portal ini berfungsi sebagai suatu kaedah pembelajaran untuk semua Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi mendapatkan maklumat mengenai Akta Persaingan 2010.

MULA



## Program Pematuhan PKS

Seiring dengan visinya untuk meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai mengenai kepentingan Akta Persaingan (AP 2010) kepada para pengguna dan manfaatnya kepada ekonomi negara, MyCC telah mencipta Sistem e-Pembelajaran Program Pematuhan Persaingan untuk PKS. Sistem berasaskan laman web ini yang terdiri daripada 5 modul yang merangkumi kesemua asas AP 2010, telah dilancarkan pada bulan Mac 2017 dan dibuka kepada orang ramai pada bulan Jun 2017 dengan tujuan untuk meningkatkan pematuhan persaingan serta kesedaran di kalangan PKS menjelang tahun 2020.

Sebagai salah satu daripada inisiatifnya untuk menggalakkan penggunaan sistem e-Pembelajaran ini di kalangan PKS di seluruh negara, MyCC dengan kerjasama SME Corp. Malaysia dan KPDKKK telah menganjurkan beberapa seminar pada suku terakhir 2017. Seminar yang dinamakan "Better Business With Competition Compliance For SMEs", yang merupakan lanjutan daripada seminar-seminar PKS yang dianjurkan oleh MyCC sebelum ini, telah diadakan di Kuala Lumpur pada 12hb Oktober, di Sarawak pada 28hb November, dan di Sabah pada 29hb November. Sementara itu, seminar "Pematuhan Dan Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010" pula telah diadakan di Kelantan pada 19hb November.

## Enam Tahun Memperjuangkan Persaingan

Akta Persaingan 2010 telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 setelah diwartakan oleh Kerajaan pada 10 Jun 2010. Suruhanjaya Persaingan Malaysia ("Suruhanjaya") telah diberi kuasa untuk mentadbir dan melaksanakan Akta Persaingan 2010 (AP 2010) di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (ASP 2010). Sejak penubuhannya, Suruhanjaya telah bekerja keras untuk melibatkan pihak-pihak berkepentingan sasaran dari semua lapisan melalui aktiviti-aktiviti advokasi dan capaiannya. Pada tahun 2013, Suruhanjaya telah menjalankan "Kajian Baseline untuk Mengukur Tahap Kesedaran mengenai Akta Persaingan 2010 di kalangan Perniagaan" dan pada 2016, satu kajian yang sama iaitu mengenai "Kajian Kesedaran dan Persepsi mengenai AP 2010 serta Peranan Suruhanjaya di Malaysia" telah dijalankan semula untuk melihat tahap peningkatan yang telah dicapai sejak kajian pada tahun 2013.



Merujuk kepada Kajian Baseline dijalankan pada tahun 2013, sebanyak 600 responden dari perniagaan kecil dan sederhana (PKS) yang terdiri daripada industri perkhidmatan (75.4%), pembuatan (14.2%), pembinaan (6.4%), pertanian (3.1%) dan perlombongan dan perkuarian (0.8%) telah mengambil bahagian dalam kajian tersebut.

Kajian Baseline itu hanya menggunakan PKS sebagai sampel kajian manakala kajian terbaru pada tahun 2016 telah menggunakan sampel-sampel dari responden yang berlainan latar belakang. Walaupun Suruhanjaya telah berusaha melaksanakan sebanyak 97 program advokasi di seluruh negara antara tahun 2011 dan 2013, kajian Baseline tersebut menunjukkan tahap kesedaran dan pengetahuan mengenai AP 2010 yang rendah dalam kalangan responden di 14 negeri di Malaysia. Perlis, Melaka dan Sabah menunjukkan sifar tahap kesedaran dan pengetahuan mengenai AP 2010. Kajian tersebut juga menunjukkan peratusan tertinggi untuk tahap kesedaran hanya sekitar 11% sahaja. Ini tertakluk kepada 3 negeri iaitu Pahang (10.7%); Johor (10.6%) dan Pulau Pinang (10.3%). Tahap pengetahuan mengenai AP 2010 adalah juga rendah untuk semua negeri yang mana hampir setiap negeri mencatatkan nilai di bawah 10%. Satu-satunya negeri yang terkecuali adalah Perak di mana sebanyak 11.8% perniagaan memberi maklum balas memiliki pengetahuan yang agak baik mengenai AP 2010.

Pada tahun 2016, Suruhanjaya telah menjalankan satu kajian untuk meneliti tahap kesedaran dan pengetahuan semasa, pihak-pihak berkepentingan utama Suruhanjaya mengenai AP 2010 sebagai susulan kepada kajian Baseline yang telah dijalankan. Kali ini, pihak berkepentingan sasaran yang terlibat adalah komuniti-komuniti perniagaan, agensi-agensi kerajaan, pengamal persaingan (peguam dan ahli ekonomi), pengguna (pelajar), dan Persatuan-persatuan Pengguna/Perniagaan. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengukur prestasi aktiviti-aktiviti advokasi dan capaian dari pandangan pihak-pihak berkepentingan dan akan menjadi panduan dalam membantu Suruhanjaya untuk mempertingkatkan keberkesanannya dan kualiti program-program advokasi yang akan dijalankan pada masa hadapan.


Sebanyak 463 responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini yang terdiri daripada 27 responden dari Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), 44 responden dari Perbadanan-Perbadanan Multinasional (MNCs), 154 responden dari Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS), 144 responden dari Agensi-agensi Kerajaan, 31 responden dari Pengamal (Peguam dan Ahli Ekonomi) dan 63 dari Pengguna (Pelajar dan Persatuan-persatuan Pengguna/Perdagangan). Jadual 1 menunjukkan tahap kesedaran mengenai AP 2010 dan pengetahuan mengenai AP 2010 mengikut pihak-pihak berkepentingan dengan lebih terperinci.

Jadual 1:Tahap kesedaran dan pengetahuan mengenai AP 2010 mengikut pihak-pihak berkepentingan

N=463	Tahap kesedaran		Tahap pengetahuan (N=217)			
	Ya	Tidak	Banyak	Berpatut utan	Tidak terlalu banyak	Pernah mendengar, tetapi tidak mengetahui
	(N=217)	(N=246)	(N=11)	(N=34)	(N=86)	(N=86)
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) (27)	25.9%	74.1%	14.3%	14.3%	57.1%	14.3%
Perbadanan Multinasional (MNCs) (44)	38.6%	61.4%	5.9%	11.8%	29.4%	52.9%
Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) (154)	56.5%	43.5%	10.3%	14.9%	40.2%	34.5%
Agenси Kerajaan (144)	41.0%	59.0%	0.0%	15.3%	44.1%	40.7%
Pengamal (Peguam & Ahli Ekonomi) (31)	87.1%	12.9%	0.0%	22.2%	33.3%	44.4%
Pelajar (57)	26.3%	73.7%	0.0%	20.0%	40.0%	40.0%
Persatuan Pengguna/Perdagangan (6)	83.3%	16.7%	0.0%	0.0%	20.0%	80.0%

Pengamal (pegawai dan ahli ekonomi) memiliki tahap kesedaran tertinggi mengenai AP 2010 dengan 87.1% antara mereka mengatakan bahawa mereka tahu mengenai AP 2010. Tahap kesedaran paling rendah dalam kumpulan responden adalah dari GLCs dengan hanya 25.9% dari 27 responden mengatakan pernah dengar mengenai AP 2010 sebelum ini. Ia juga boleh dilihat bahawa tahap kesedaran bagi PKS adalah di tahap sederhana iaitu pada 56%.


Oleh kerana kajian *Baseline* hanya menggunakan PKS, analisis terperinci tahap kesedaran dan pengetahuan 154 responden PKS di dalam kajian 2016 telah dilaksanakan sebagai perbandingan. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 peratusan tertinggi untuk tahap kesedaran mengenai AP 2010 adalah dari negeri Perlis dengan skor 100%, dan diikuti dengan tiga negeri iaitu Johor (75%), Sabah (75%) dan Pulau Pinang (65.3%).



Rajah 1:Tahap kesedaran mengenai AP 2010 mengikut negeri




Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2, majoriti negeri menunjukkan yang mereka mempunyai pengetahuan mengenai AP 2010 tetapi tidak begitu tinggi. Sementara itu, responden di Kelantan (33.3%), Kedah (25%), Wilayah Persekutuan (16.7%), Pulau Pinang (12.5%) dan Melaka (10%) mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai AP 2010. Namun begitu, semua responden dari Terengganu pernah dengar tentang AP 2010 tetapi tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai Akta itu. Akan tetapi, keputusan ini perlu dibaca dengan teliti memandangkan jumlah sampel yang kecil bagi sesetengah negeri.



Rajah 2: Tahap Pengetahuan mengenai AP 2010 mengikut negeri

Rajah 3 menunjukkan bahawa PKS adalah kumpulan pihak berkepentingan terbesar dalam penerimaan kualiti program-program advokasi dan capaian Suruhanjaya. Pengamal (Peguam & Ahli Ekonomi), adalah antara kumpulan pihak berkepentingan yang paling rendah dalam penerimaan kualiti program-program advokasi dan capaian Suruhanjaya.




Rajah 3: Kualiti Aktiviti-Advokasi dan Capaian Suruhanjaya

Jadual 2 menunjukkan bahawa Pengamal (peguam & ahli ekonomi), diikuti dengan Agensi Kerajaan dan Persatuan Pengguna/Perdagangan mengakui bahawa perniagaan-perniagaan di Malaysia adalah dijalankan oleh beberapa pemain besar sahaja tanpa persaingan yang cukup.

Jadual 2: Persepsi Pihak Berkepentingan bahawa perniagaan di Malaysia dijalankan oleh beberapa pemain besar


N=463	GLC	MNC	PKS	Agensi Kerajaan	Pengamal (pegawai & ahli ekonomi)	Pelajar	Persatuan Pengguna/Perdagangan
Perniagaan-perniagaan di Malaysia dijalankan oleh beberapa pemain besar sahaja	3.40	3.40	3.44	3.75	3.96	3.31	3.66

Rajah 4 menunjukkan entiti perniagaan (MNC, PKS dan GLC) memiliki amalan yang baik dan positif, sikap dan budaya pematuhan terhadap AP 2010.




Rajah 4: Amalan, Sikap dan Budaya Pematuhan pada AP 2010 bagi syarikat

Rajah 5 menunjukkan bahawa 80% daripada responden merujuk kepada internet sebagai salah satu sumber utama rujukan bagi kesedaran dan kewujudan Suruhanjaya serta AP 2010. Internet merupakan sumber pilihan utama responden untuk mendapatkan maklumat mengenai AP 2010. Ini diikuti dengan laman sesawang Suruhanjaya, Facebook, Twitter dan YouTube. Surat khabar menjadi pilihan keenam sebagai sumber rujukan.



Rajah 5: Sumber maklumat mengenai perundungan Persaingan

Rajah 6 menunjukkan *Facebook* adalah sumber makumat media sosial utama yang digunakan oleh responden dengan skor 87.9%, diikuti dengan *Instagram* (51.20%) dan *Google+* (49.50%).



Rajah 6: Laman media sosial yang diberi keutamaan oleh pihak-pihak berkepentingan

## Kesimpulan

Tahap kesedaran mengenai AP 2010 secara keseluruhannya adalah lebih baik daripada kajian *Baseline*. Dua sumber rujukan utama mengenai Perundungan Persaingan adalah melalui Internet dan laman sesawang Suruhanjaya/*Facebook*/*Twitter*/*YouTube*.

Kesimpulannya, kajian 2016 menunjukkan peningkatan keseluruhan dari sudut kualiti program-program advokasi dan program capaian Suruhanjaya berkenaan kesedaran dan persepsi pada AP 2010. Ini menunjukkan bahawa kerja keras untuk meletakkan Suruhanjaya di hadapan sejak beberapa tahun yang lalu tidak terbaizir dan diketahui oleh orang awam secara keseluruhannya. Oleh itu, kajian ini mencadangkan keperluan komunikasi yang berkualiti secara berterusan, latihan dan pendidikan diberikan kepada pihak-pihak berkepentingan dan penggunaan media sosial yang optimum dengan penggunaan pelbagai bahasa. Dalam menekankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan, adalah dicadangkan agar program-program advokasi dan program capaian Suruhanjaya dapat merangkumi aspek pematuhan seperti "Do's and Don'ts" mengikut jenis industri sebagai satu panduan untuk pihak-pihak berkepentingan dan juga menyediakan kemudahan seperti perkhidmatan pelanggan bagi membantu pihak-pihak berkepentingan yang mempunyai keraguan mengenai AP 2010.

Oleh: Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Hasnah Haron (UMP), Ishak Ismail (UMP) and Yuvaraj Ganesanm (USM).



## Kunjungan Hormat Daripada Delegasi EU

Delegasi Kesatuan Eropah (EU) ke Malaysia yang diketuai dutanya, P.Y.T. Puan Maria Castillo Fernandez telah membuat kunjungan hormat ke MyCC pada 19hb Disember 2017 untuk mengeratkan hubungan dan mengukuhkan semangat kerjasama di antara kedua-dua bidang kuasa ini.

Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua-dua parti berkongsi dan bertukar idea serta pendapat mengenai hal-hal persaingan dalam bidang kuasa masing-masing. Kunjungan ini telah meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai prinsip-prinsip dan perspektif-perspektif tentang pelbagai hal berkenaan polisi dan undang-undang persaingan. Kunjungan ini juga telah membantu mengeratkan lagi hubungan yang telah lama terjalin di antara MyCC dan Suruhanjaya Eropah, seterusnya membuktikan semangat kerjasama yang kukuh di antara kedua-dua bidang kuasa tersebut.



## MyCC Mengalu-alukan Kedatangan KPPU

MyCC berbangga menjadi tuan rumah kepada Cik Sulastri Ambarianti Subari dari Komisi Pengawas Persaingan Usaha, KPPU sebagai sebahagian daripada program pinjamannya. Semasa berada di sini, beliau telah diletakkan di dalam unit siasatan untuk membantu Bahagian Penguatuasaan MyCC dalam bidang penyiasatan tipuan bida. Beliau telah berkongsi pengetahuan dan pengalaman tentang penguatkuasaan undang-undang di KPPU termasuk prosedur pengendalian kes. Beliau telah ditugaskan untuk mengendalikan kes-kes tipuan bida semasa berada di sini. Kepakaran dan maklumat yang dikongsi oleh beliau mengenai tipuan bida amat berharga kerana KPPU mempunyai lebih pengalaman dalam pengendalian kes-kes tipuan bida.



# Rangkaian Merentas Sempadan

“Kerjasama antarabangsa yang merentasi pelbagai bidang-bidang kuasa dapat membantu mengukuhkan keupayaan dan meningkatkan ilmu pengetahuan. Program ini menggalakkan pegawai-pegawai pinjaman untuk mendapat input-input daripada rakan sejawat mereka, dan belajar daripada kekuatan dan kelemahan mereka, serta memudahkan rangkaian hubungan di antara suruhanjaya-suruhanjaya persaingan.”



## Program Pertukaran Pegawai MyCC Ke KPPU

Dari 3hb Julai 2017 sehingga 30hb Ogos 2017, seorang pegawai MyCC telah menjalani Program Pertukaran Ke KPPU anjuran Japan-ASEAN Integration Fund (JAIF). Objektif program ini adalah untuk memberi pegawai MyCC peluang pembelajaran dan pendedahan daripada agensi persaingan luar negara yang lebih mantap dan berpengalaman. Semasa bersama KPPU, Hafiz telah membantu dalam siasatan kes-kes tipuan bida, serta meghadiri perbicaraan awam di KPPU, Mahkamah Pengadilan Negeri dan bengkel berkenaan risiko dan cara-cara membuktikan penyelewengan di semua peringkat perolehan oleh kerajaan berhubung barang dan perkhidmatan. Selain itu, beliau juga memberi tumpuan kepada membina potensi kerjasama di antara KPPU dan MyCC dalam usaha-usaha penguatkuasaan. Dengan pengalaman ini, pegawai terbabit dapat menyebarkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari kepada warga MyCC yang lain.

## Program Peminjaman (Secondment) Pegawai MyCC Ke ACCC

Dari 10hb Julai 2017 sehingga 16hb September 2017, dua pegawai MyCC telah menjalani program peminjaman selama 75 hari yang dianjurkan oleh ASEAN Australia New Zealand Free Trade Agreement (AANZFTA). Objektif program ini adalah untuk memberi pegawai-pegawai MyCC yang ditukarkan peluang pembelajaran dan pendedahan daripada agensi persaingan luar negara yang lebih berpengalaman, serta menambah baik keberkesanan penguatkuasaan dan siasatan MyCC selepas program ini berakhir. Program ini memberi kesempatan kepada mereka untuk mengalami pengendalian kes secara terusnya, mendapat kefahaman tentang struktur dan operasi ACCC serta melengkapi Kursus Asas mengenai Undang-undang Persaingan dan Ekonomi di *University of Melbourne*. Pegawai MyCC diletakkan di dalam bahagian penguatkuasaan ACCC, dan dalam kes-kes tertentu, dengan secara bergilir ke bahagian penggabungan. Semasa bersama ACCC, pegawai-pegawai pinjaman MyCC telah membantu dengan kajian pasaran mengenai industri kenderaan, didehdahkan kepada tujuan dan proses pelbagai mesyuarat yang diadakan oleh ACCC, menghadiri sesi pendengaran di Mahkamah Persekutuan di Sydney berkenaan isu kepenggunaan, dan menghadiri bengkel atas kemahiran penyiasatan di ACCC, Melbourne.



Karen Chai dan Tuan Syakeer, kedua dari kanan dan kiri.

## Perhimpunan Bulanan KPDKKK

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDKKK) telah mengadakan perhimpunan bulanan akhir tahun untuk tahun 2017 pada 14hb Disember. Acara ini dianjurkan bersama MyCC dan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM), dan dihadiri Menteri KPDKKK YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin, pegawai-pegawai dan kakitangan KPDKKK, serta agensi-agensi di bawah kementerian.

Sebagai pengatur bersama, kedua-dua agensi telah bekerja keras untuk memastikan acara ini berjalan dengan lancar. Antara aktiviti kemuncaknya ialah penyambutan Hari Inovasi dan Hari Integriti KPDKKK 2017, sesi memperkenalkan pegawai-pegawai yang baru, sambutan hari jadi bulan Disember, dan perayaan ulang tahun ke-61 MKM dan pelancaran program rancangan bicara '1 Pengguna 1 Suara' dan rancangan 'TV Pengguna Bijak'. Sesi pendermaan darah, pemeriksaan pergiliran, dan pameran inovasi juga diadakan sepanjang acara tersebut.

Program ini dimeriahkan lebih lagi oleh persembahan 'Choral Speaking' dari pelajar-pelajar SMK (P) Methodist Teacher, Taiping, iaitu pemenang pertandingan 'Choral Speaking' yang diadakan sempena Hari Pengguna Kebangsaan 2017.



## Forum Perdana Ehwal Islam

MyCC dengan kerjasama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), telah menganjurkan sebuah Forum Perdana Ehwal Islam yang bertajuk 'Bendang Sendiri, Padinya Orang' pada 15 September 2017 sempena Fiesta Larut 2017. Antara isu-isu yang dibincangkan ialah kepentingan menjalankan perniagaan dengan adil dan menghormati harta intelek atau hak cipta orang lain.

Forum tersebut dikendalikan oleh Ustaz Zakaria Othman yang disertai oleh Ustaz Syed Norhisyam Tuan Padang dan Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff Mohd Kassim sebagai panel. Forum ini telah dihadiri oleh seramai 1,500 penduduk dari sekitar Batu Kurau, Perak. Rakaman forum ini telah disiarkan pada 5 Oktober 2017 di saluran RTM1.



## 'Majlis Berbuka Puasa Bersama MyCC'

MyCC telah mengadakan 'Majlis Berbuka Puasa Bersama MyCC' di Kelab Golf Rahman Putra Malaysia, pada 15 Jun 2017 sebagai sebahagian daripada program khidmat masyarakat MyCC. Majlis ini dimeriahkan dengan kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Dato' Abu Samah Shabudin, serta tetamu-tetamu kehormat yang turut memberikan sumbangan.

Melalui majlis ini, warga MyCC dapat menampilkan dan menghayati ciri-ciri insan yang berakhhlak mulia dan mempunyai nilai-nilai positif, memupuk budaya tolong-menolong sesama masyarakat, serta meraikan semangat kemuliaan dan kegembiraan Aidilfitri dengan golongan asnaf dan anak-anak yatim.



• 02/17 Julai - Dis 2017





SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

MERAIKAN

# TAHUN YANG CEMERLANG

MyCC akan berusia 7 tahun pada 1hb April 2018. Bagi menyambut **ulang tahun ke-7** ini, MyCC telah merancang pelbagai acara menarik untuk orang ramai mulai sekarang hingga April 2018. Untuk keterangan lanjut, layari laman web kami di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)!

## #bebaskartel

Peraduan Fotografi  
Tentang  
Undang-undang  
Presaingan 2018

Siri Jelajah  
2018

Pertandingan  
Menulis Karangan  
Mengenai  
Undang-undang  
Presaingan 2018

Pertandingan  
'Choral Speaking'  
Tentang  
Undang-undang  
Presaingan 2018

Sambutan Mega  
Ulang Tahun ke-7  
MyCC

'MyCC Cycle Cyberjaya'  
Kayuh Kaw Kaw 2018

Kunjungi kami di:



[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)



@themycc

Suruhanjaya Persaingan Malaysia,  
Level 15, Menara SSM @Sentral,  
7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +603-2273 2277

Faks : +603-2272 2293 / 1692

Email : [enquiries@mycc.gov.my](mailto:enquiries@mycc.gov.my)